**JPA(BGE)223/5/4-3 (63)** **Siri No.**

**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 14 TAHUN 2010**

---

# KEMUDAHAN CUTI BERSALIN
# PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM

## TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan kelayakan dan kaedah pelaksanaan peraturan mengenai kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

## LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998 telah menetapkan bahawa kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan adalah selama 60 hari yang dikira mulai dari tarikh pegawai bersalin. Surat Pekeliling

Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2009 pula membolehkan pegawai memilih tarikh Cuti Bersalin pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin. Pegawai hendaklah mengemukakan perakuan bersalin dan permohonan cuti kepada Ketua Jabatan bagi tujuan diluluskan kemudahan Cuti Bersalin.

3. Kemudahan cuti bersalin telah diperuntukkan kepada pegawai warganegara yang dilantik secara kontrak berdasarkan Perenggan 54.5 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 – Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Kontrak (*contract of service*) dan turut dipanjangkan kepada pegawai bukan warganegara melalui Surat Pekeliling Bilangan 16 Tahun 2009 – Kemudahan Cuti Bersalin Kepada Pegawai Kontrak Bukan Warganegara Yang Dilantik Secara Kontrak (*contract of service*).

4. Kemudahan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) pula merupakan cuti yang diberi kepada pegawai wanita untuk menjaga dan menyusukan bayinya sepertimana diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007. Kadar kelayakan adalah sebanyak 1,825 hari (5 tahun) bagi sepanjang tempoh perkhidmatan. Namun Cuti Menjaga Anak boleh diberikan sebagai pilihan untuk menggantikan Cuti Bersalin Tanpa Gaji bagi memenuhi tempoh Cuti Bersalin.

## PELAKSANAAN

### Tafsiran

5. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

**‘Cuti Bersalin’** adalah cuti yang diberikan kepada pegawai wanita untuk bersedia dan pulih daripada bersalin;

**‘Cuti Bersalin Bergaji Penuh’** adalah cuti bersalin yang dibayar emolumen penuh mengikut kadar kelayakan yang telah ditetapkan;

**‘Cuti Bersalin Separuh Gaji’** adalah cuti bersalin yang dibayar separuh emolumen dan hanya diperuntukkan kepada guru selama 14 hari dalam penggal sekolah;

**‘Cuti Bersalin Tanpa Gaji’** adalah cuti bersalin yang tidak dibayar sebarang emolumen kepada pegawai yang telah menggunakan kelayakan Cuti Bersalin Bergaji Penuh dan Cuti Bersalin Separuh Gaji;

**‘Guru’** adalah merujuk kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lepasan Diploma wanita lantikan tetap yang menjalankan tugas perguruan tidak termasuk Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang bertugas di pejabat dan menjalankan tugas-tugas pentadbiran; dan

**‘pegawai’** adalah merujuk kepada pegawai wanita Perkhidmatan Awam Persekutuan yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*).

**Kelayakan**

6. Selaras dengan hasrat Kerajaan yang mengambil berat terhadap kebajikan pegawai, kelayakan dan peraturan kemudahan Cuti Bersalin ditetapkan seperti berikut:

6.1 seseorang pegawai yang bersalin layak mendapat Cuti Bersalin Bergaji Penuh sebanyak **300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya**;

6.2 pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin di antara **60 hari sehingga 90 hari** bagi setiap kelahiran; dan

6.3 Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.

7. Bagi pegawai yang **mempunyai baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh kurang daripada 90 hari**, pegawai dikehendaki untuk memenuhi tempoh Cuti Bersalin di antara 60 hari sehingga 90 hari dengan menggunakan turutan kemudahan seperti berikut:

7.1 Bagi pegawai **kecuali** guru:

a. menghabiskan kesemua baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh yang dilayaki; dan

b. mengambil Cuti Rehat yang berkelayakan; dan

c. mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji setelah menggunakan kemudahan di perenggan 7.1 (a) dan (b) di atas; atau

d. menggunakan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin Bergaji Penuh sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007.

7.2 Bagi guru:

a. **Semasa penggal sekolah,** guru hendaklah:

i) menghabiskan kesemua baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh yang dilayaki;

ii) mengambil Cuti Bersalin Separuh Gaji sehingga 14 hari; dan

iii) mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji setelah menggunakan kemudahan di perenggan 7.2 (a)(i) dan (ii) di atas; atau

iv) menggunakan Cuti Menjaga Anak sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin Bergaji Penuh sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 bagi memenuhi tempoh Cuti Bersalin.

b. **Semasa cuti penggal sekolah,** guru hendaklah:

i) menghabiskan kesemua baki Cuti Bersalin Bergaji Penuh yang dilayaki; dan

ii) bagi tempoh yang selebihnya dianggap dalam Cuti Bergaji Penuh.

8. Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 300 hari kemudahan Cuti Bersalin, pegawai dikehendaki untuk memenuhi tempoh Cuti Bersalin di antara tempoh 60 hari sehingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan seperti berikut:

8.1 Bagi pegawai **kecuali** guru:

a. mengambil Cuti Rehat mengikut kelayakan pegawai mulai dari tarikh bersalin; dan

b. mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji setelah menggunakan kemudahan di perenggan 8.1 (a) di atas; atau

c. menggunakan Cuti Menjaga Anak (tanpa gaji) mulai dari tarikh bersalin sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 bagi memenuhi tempoh Cuti Bersalin.

8.2 Bagi guru:

a. **Semasa penggal sekolah,** guru boleh:

i) mengambil Cuti Bersalin Separuh Gaji sehingga 14 hari; dan

ii) mengambil Cuti Bersalin Tanpa Gaji setelah menggunakan kemudahan di perenggan 8.2 (a)(i) di atas; atau

iii) menggunakan Cuti Menjaga Anak mulai dari tarikh bersalin sepertimana yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2007 bagi memenuhi tempoh Cuti Bersalin.

b. **Semasa cuti penggal sekolah,** guru yang bersalin dianggap dalam Cuti Bergaji Penuh.

9. Cuti Bersalin Separuh Gaji dan Cuti Bersalin Tanpa Gaji yang diambil oleh pegawai yang bersalin **tidak akan menjejaskan** kelayakan pegawai untuk menggunakan Cuti Separuh Gaji di bawah Perintah Am 51 Bab C Tahun 1974 dan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.

10. Bagi **pegawai lantikan kontrak (*contract of service*),** kelayakan mereka adalah sepertimana yang ditetapkan dalam perenggan 6, 7 dan 8 di atas. Walau bagaimanapun, mereka tidak layak mengambil Cuti Menjaga Anak bagi menggantikan kelayakan Cuti Bersalin. Kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Gaji yang diambil tidak menjejaskan kemudahan Cuti Tanpa Gaji sepertimana yang diperuntukkan dalam perenggan 54.4 Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan peraturan lain yang berkuat kuasa. Kemudahan Cuti Bersalin Tanpa Gaji ini juga tidak menyebabkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.

11. Cuti Sakit tidak boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.

12. Bagi pegawai yang telah melahirkan anak selepas 22 minggu mengandung, sama ada bayi itu hidup atau pun meninggal dunia adalah layak untuk diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh badan pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.

13. Tempoh perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan bagi seseorang pegawai yang diberi pelepasan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan **hendaklah diambilkira** bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

14. Tempoh perkhidmatan termasuk semasa pelantikan secara sementara atau pelantikan secara kontrak **hendaklah diambilkira** bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.

15. Urusan pentadbiran kemudahan Cuti Bersalin adalah seperti berikut:

15.1 pegawai hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital/ klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Ketua Jabatan meluluskan permohonan Cuti Bersalin dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A** Pekeliling Perkhidmatan ini;

15.2 Bagi memudahkan urusan pentadbiran, pegawai **tidak boleh meminda** tempoh Cuti Bersalin yang telah diluluskan oleh Ketua Jabatan;

15.3 Ketua Jabatan hendaklah memastikan bilangan hari dan tempoh Cuti Bersalin yang diluluskan direkod di dalam Rekod Perkhidmatan pegawai;

15.4 bagi pegawai yang telah menggunakan kemudahan Cuti Bersalin di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998, kelayakan kemudahan Cuti Bersalin yang telah digunakan sebelum ini hendaklah ditolak daripada jumlah kelayakan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini seperti contoh di **Lampiran B**; dan

15.5 Pegawai yang bermula Cuti Bersalin sebelum 15 Oktober 2010 adalah masih tertakluk kepada tempoh Cuti Bersalin selama 60 hari dan pelaksanaannya sepertimana dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998.

**PEMBATALAN**

16. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2009, perenggan 54.5 (i), (ii) dan (iii) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 16 Tahun 2009 adalah dibatalkan.

**TARIKH KUAT KUASA**

17. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **15 Oktober 2010.**

**PEMAKAIAN**

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**( DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH )**
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

02 DISEMBER 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**Lampiran A**

**BORANG PERMOHONAN CUTI BERSALIN**
**(Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010)**

…………………………………

…………………………………

…………………………………

(Ketua Jabatan)

1. Saya memohon menggunakan kemudahan Cuti Bersalin selama …………….. hari mulai dari tarikh dijangka bersalin (EDD)*/ lebih awal dari tarikh dijangka bersalin iaitu mulai ………………………………. hingga …………………………. Tarikh dijangka bersalin saya ialah pada …………………………………….

2. Jumlah Cuti Bersalin yang telah diambil sebelum ini adalah sebanyak ………………………. daripada jumlah maksimum 300 hari.

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen sokongan daripada klinik/ hospital Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin.

4. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan di atas adalah benar.

Tandatangan pegawai : ……………………………………………………………………….

Nama pegawai : ……………………………………………………………………….

Tarikh : ……………………………………………………………………….

<u>KEGUNAAN PEJABAT</u>

LULUS/ TIDAK LULUS

| | | |
|---|---|---|
| Catatan | : | ............................................................................... |
| Tandatangan Ketua Jabatan | : | …………………………………………………..... |
| Nama | : | …………………………………………………..... |
| Jawatan | : | ……………………………………………………… |
| Tarikh | : | ……………………………………………………… |

*EDD – *expected delivery date*

**Lampiran B**

**Pengiraan Kelayakan Kemudahan Cuti Bersalin Bagi Pegawai Yang Telah Menggunakan Kemudahan Cuti Bersalin Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1998**

Pegawai telah menggunakan kemudahan Cuti Bersalin sebanyak 3 kali dengan setiap kali sebanyak 60 hari sehingga 31 Ogos 2010. Sehubungan dengan itu, kelayakan kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Kelayakan kemudahan Cuti Bersalin di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 | | 300 hari |
| (tolak) | Kelayakan kemudahan Cuti Bersalin yang telah digunakan sehingga 31 Ogos 2010<br>60 hari x 3 kali | (180 hari) |
| | Kelayakan kemudahan Cuti Bersalin yang pegawai masih berkelayakan | **120 hari** |